

JAWATAN: PEMBANTU ADMIN
TEMPAT BERTUGAS: *ENERGY COMMISSION OF SABAH,*
WILAYAH PANTAI TIMUR, WISMA SABAN, SANDAKAN

RINGKASAN JAWATAN:

Bertanggungjawab membantu pengurusan pentadbiran Pejabat Wilayah Pantai Timur Sabah serta melaksanakan semakan dan pengurusan permohonan pendaftaran pemasangan elektrik dan orang kompeten melalui sistem ECoS Online. Jawatan ini turut memberikan sokongan kepada pegawai dalam urusan operasi, penyediaan dokumen, khidmat pelanggan serta pelaksanaan program dan aktiviti pejabat.

TANGGUNGJAWAB / AKTIVITI UTAMA:

1. Membuat semakan permohonan pendaftaran pemasangan elektrik dan orang kompeten sebelum tindakan pemeriksaan oleh pegawai.
2. Mengemas kini dan menyelenggara data permohonan pendaftaran dalam pangkalan data Pejabat Wilayah Pantai Timur Sabah.
3. Menyediakan borang permohonan dan borang cadangan kelulusan bagi pendaftaran pemasangan elektrik dan orang kompeten.
4. Memberikan khidmat pelanggan serta membantu pengguna berkaitan urusan pendaftaran pemasangan dan orang kompeten.
5. Membantu pegawai dalam persediaan dan pelaksanaan program serta aktiviti di dalam dan di luar pejabat.
6. Melaksanakan tugas pentadbiran dan operasi pejabat bagi memastikan urusan harian pejabat berjalan dengan lancar.

KELAYAKAN & KEPERLUAN: -

1. Minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
2. Mempunyai kemahiran asas komputer dan pengurusan data/dokumen.
3. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik serta mampu berurusan dengan orang awam dan pihak berkepentingan.
4. Mampu bekerja secara berpasukan, mempunyai etika kerja yang baik serta mengutamakan integriti dan kualiti perkhidmatan.
5. Mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran, operasi pejabat, perkhidmatan pelanggan atau bidang berkaitan adalah satu kelebihan.
6. Mempunyai pengetahuan asas mengenai enakmen, peraturan, kod dan garis panduan berkaitan adalah satu kelebihan.
7. Pengalaman berkaitan bidang tenaga elektrik atau urusan pendaftaran pemasangan/orang kompeten adalah satu kelebihan.

Gred: N1(b)

Gaji Pokok: Bermula dari RM1,800